

21/07/1997

MIC minta pinda syarat buruh

SEREMBAN, Ahad - MIC akan meminta kerajaan supaya meminda undang-undang buruh, terutama membabitkan pampasan kepada pekerja ladang yang sering menjadi mangsa apabila kawasan mereka dimajukan untuk pembangunan.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata partinya akan mengajukan perkara ini dalam satu pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen MIC negeri, di sini hari ini, beliau menegaskan perkara itu perlu diatasi kerana pampasan yang diterima mereka terlalu kecil.

(END)